

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS SESI PENYERAHAN SET KHAIRAT
KEMATIAN (KIT JENAZAH)
KERJASAMA ANGKASA SELANGOR
BERSAMA
PERTUBUHAN KEBAJIKAN SENTUHAN KASIH
JOHOR BAHRU**

**12 FEBRUARI 2026 (KHAMIS)
3:00 PETANG
DEWAN DATO' MOHD ALI BAHAROM
ANGKASA**

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun pada petang ini bagi menjayakan Majlis Sesi Penyerahan Set Khairat Kematian (Kit Jenazah)
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi ANGKASA Negeri Selangor, Dato' Haji Alias Hamzah yang mengambil inisiatif murni ini. Tidak dilupakan juga kehadiran tuan-tuan dan puan-puan memberikan sokongan berterusan terhadap usaha kebajikan yang dilaksanakan oleh gerakan koperasi di peringkat komuniti.
3. Program penyerahan Set Khairat Kematian ini merupakan satu inisiatif dalam memberi sokongan awal kepada waris ketika berdepan saat kehilangan. Bantuan berbentuk persediaan asas seperti ini membantu

melancarkan urusan pada waktu yang memerlukan tindakan segera.

Hadirin yang Dirahmati,

4. Dalam Islam, pengurusan jenazah adalah tanggungjawab fardu kifayah yang menuntut penglibatan masyarakat. Ia merupakan amanah bersama sesama umat yang mencerminkan keprihatinan terhadap sesama insan.

5. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa mereka yang terlibat dalam pengurusan jenazah dan menjaga kehormatan si mati akan diberikan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT.

Sesiapa yang memandikan jenazah lalu dia menyembunyikan (aibnya), maka diampunkan baginya empat puluh kali.

Dan barangsiapa yang mengkafankan jenazah, Allah akan

memakaikannya pakaian daripada sutera halus dan sutera tebal dari syurga.

Dan barangsiapa yang menggali kubur untuk jenazah lalu menutupkannya (mengebumikannya), maka akan terus mengalir baginya pahala seperti pahala menyediakan tempat tinggal untuk seseorang sehingga Hari Kiamat.”

(Hadis Riwayat Imam Al-Hakim & Al-Baihaqi)

Ini menunjukkan bahawa usaha membantu dalam urusan jenazah adalah amalan yang mulia dan sangat dituntut.

6. Islam juga menekankan agar urusan jenazah disegerakan dan dipermudahkan tanpa membebankan waris. Justeru, penyediaan kit jenazah melalui program sebegini membantu

mempercepatkan pengurusan serta mengurangkan tekanan kepada keluarga yang sedang berdepan kehilangan.

7. Inisiatif ini mencerminkan peranan koperasi sebagai institusi yang bukan sahaja menjana ekonomi, tetapi turut hadir menyokong masyarakat dalam situasi sukar. Pendekatan sebegini mengukuhkan fungsi sosial koperasi di peringkat akar umbi.

Hadirin yang dirahmati,

8. Sebagai badan puncak gerakan koperasi negara, ANGKASA sentiasa memberi penekanan kepada keseimbangan antara pembangunan ekonomi dan tanggungjawab sosial. Program kebajikan seperti ini adalah antara pendekatan yang memberi kesan langsung kepada masyarakat.

9. Penglibatan koperasi dalam program komuniti juga membantu memperkukuh hubungan antara anggota dan masyarakat setempat. Apabila koperasi hadir membantu dalam keadaan memerlukan, kepercayaan masyarakat terhadap institusi koperasi akan terus meningkat.

10. Saya merakamkan penghargaan kepada Pertubuhan Kebajikan Sentuhan Kasih Johor Bahru atas kerjasama strategik yang diberikan. Kolaborasi seperti ini membolehkan program kebajikan dilaksanakan secara lebih tersusun dan memberi impak yang lebih luas.

11. Penyerahan sebanyak 600 Set Khairat Kematian pada hari ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh koperasi yang terlibat. Sumbangan ini bukan sahaja membantu pengurusan jenazah, malah memperkukuh

peranan koperasi sebagai penyokong komuniti.

12. Saya berharap lebih banyak inisiatif kebajikan yang dipelopori koperasi dapat diperluaskan pada masa akan datang selaras dengan aspirasi pembangunan masyarakat yang inklusif seperti yang ditekankan dalam Prinsip dan Jati Diri Koperasi itu sendiri.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sesi Penyerahan Set Khairat Kematian (Kit Jenazah) Kerjasama ANGKASA Selangor bersama Pertubuhan Kebajikan Sentuhan Kasih Johor Bahru.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.